

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 02 Tahun 2022

PEKELILING PELAKSANAAN TEMPOH TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN BAGI PENSYARAH YANG MEMPUNYAI REKOD TATATERTIB UNTUK DILANTIK SEBAGAI PENTADBIR AKADEMIK

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf universiti berkenaan tempoh tidak layak dipertimbangkan bagi pensyarah yang mempunyai rekod tatatertib untuk dilantik sebagai pentadbir akademik.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Bagi memperkukuh integriti dalam pelantikan pensyarah sebagai Pentadbir Akademik, pensyarah yang ingin dilantik wajarlah mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih khususnya daripada rekod tatatertib. Ianya dapat mencerminkan pelantikan yang dibuat menunjukkan komitmen universiti untuk memartabatkan integriti selaras dengan nilai integriti yang diangkat menjadi nilai universiti dalam Pelan Strategik UiTM2025.
- 2.2 Justeru, tempoh tidak layak dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Pentadbir Akademik, turut menggunakan kaedah di bawah Pekeliling Pendaftar Bilangan 50/2009 yang telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3/2009 berkaitan Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib bagi kenaikan pangkat gred hakiki. Pekeliling tersebut jelas menerangkan tempoh tidak layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

- 2.3 Dasar yang sama juga digunakan bagi tujuan pengesahan ke dalam perkhidmatan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan ke-149 bertarikh 10 Mac 2014 dimana staf yang mempunyai rekod tatatertib tidak boleh memohon pengesahan dalam perkhidmatan sehingga tempoh hukuman selesai.
- 2.4 Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bilangan 1 bertarikh 5 Januari 2022 telah meluluskan tempoh tidak layak dipertimbangkan untuk lantikan pentadbir akademik bagi pensyarah yang mempunyai rekod tatatertib.

3.0 TAFSIRAN

Bagi maksud Pekeliling ini,

- 3.1 Rekod tatatertib bermaksud rekod sama ada staf berkenaan dalam prosiding tatatertib atau mempunyai rekod hukuman tatatertib.
- 3.2 Pentadbir Akademik bermaksud staf akademik universiti yang dilantik bagi memikul tanggungjawab mengurus hal pentadbiran dan akademik di setiap fakulti / cawangan/ pusat akademik/ jabatan/ bahagian.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Pensyarah dalam keadaan berikut boleh dipertimbangkan bagi urusan pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik:
 - 4.1.1 Pensyarah yang dituduh tetapi tidak dapat dibuktikan; atau
 - 4.1.2 Pensyarah yang dalam prosiding tatatertib.
- 4.2 Bagi pensyarah yang sedang dalam prosiding tatatertib, kes pensyarah tersebut akan dimaklumkan oleh Unit Integriti kepada pihak urusetia yang menguruskan pelantikan tersebut.
- 4.3 Pensyarah yang telah dikenakan hukuman tatatertib tempoh tidak layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik adalah seperti berikut:

Hukuman	Tempoh tidak layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik
Amaran	12 bulan
Denda	18 bulan
Lucut Hak Emolumen	24 bulan
Tanggung Pergerakan Gaji	30 bulan
Turun Gaji	36 bulan
Turun Pangkat	48 bulan

- 4.4 Tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik ialah mulai tarikh hukuman tatatertib dijatuhkan. Sekiranya terdapat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib, tempoh kuat kuasa tidak layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik adalah mulai tarikh hukuman tatatertib dijatuhkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.
- 4.5 Pensyarah layak untuk dipertimbangkan lantikan selain Pentadbir Akademik sekiranya Jawatankuasa Rayuan Tatatertib mengakas keputusan Jawatankuasa Tatatertib.
- 4.6 Bagi pensyarah yang dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib dalam satu pertuduhan tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat. **(contoh seperti dilampiran 1);**
- 4.7 Bagi pensyarah yang dikenakan hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib dan kemudian menerima hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib yang lain dalam tempoh hukuman yang pertama masih berjalan, tempoh tidak layak dipertimbangkan untuk pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik adalah mengikut tempoh keseluruhan hukuman berakhir. **(contoh seperti dilampiran 2);**

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 24 Januari 2022.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa 05 Januari 2022.

7.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



PROFESOR TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:
Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-Uint. (6/2)
No. Siri : 100-UITM (NC 6/2) 2/2022

LAMPIRAN 1

Bagi pensyarah yang dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib dalam satu pertuduhan tatatertib, tempoh tidak layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik adalah berdasarkan tempoh hukuman yang lebih berat.

Contoh:

Seorang Pensyarah dikenakan hukuman tatatertib **amaran** dan **denda** dalam satu pertuduhan yang sama. Tempoh tidak layak dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik adalah mengambil kira tempoh hukuman yang lebih berat iaitu **18 bulan**.

Hukuman Amaran		Hukuman Denda	
Tarikh hukuman dijatuhkan	31 Disember 2021	Tarikh hukuman dijatuhkan	31 Disember 2021
Tempoh tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	12 bulan	Tempoh tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	18 bulan
Tempoh berakhir tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	30 Disember 2022	Tempoh berakhir tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	30 Jun 2023

Oleh yang demikian, tempoh tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik ialah berdasarkan hukuman denda iaitu **selama 18 bulan dan berakhir pada 30 Jun 2023**.

LAMPIRAN 2

Bagi pensyarah yang dikenakan hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib dan kemudian menerima hukuman tatatertib dalam satu kes tatatertib yang lain dalam tempoh hukuman yang pertama masih berjalan, tempoh tidak layak dipertimbangkan untuk pelantikan ke jawatan Pentadbir Akademik adalah mengikut tempoh keseluruhan hukuman berakhir.

Contoh:

Seorang pensyarah dikenakan hukuman tatatertib **amaran** bagi kes pertama dan seterusnya dikenakan hukuman **turun pangkat** bagi kes kedua, tempoh tidak layak dipertimbangkan dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik adalah mengikut tempoh keseluruhan hukuman berakhir.

Hukuman Amaran		Hukuman Turun Pangkat	
Tarikh hukuman dijatuhkan	31 Disember 2021	Tarikh hukuman dijatuhkan	1 Jun 2022
Tempoh tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	12 bulan	Tempoh tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	48 bulan
Tempoh berakhir tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	30 Disember 2022	Tempoh berakhir tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik	31 Mei 2026

Oleh yang demikian, tempoh tidak layak dilantik ke jawatan Pentadbir Akademik ialah berdasarkan hukuman keseluruhan iaitu **yang berakhir pada 31 Mei 2026**.